

1 November 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO TAHUN KE-2 – FELDA GUGUSAN TRIANG

FELDA GUGUSAN TRIANG telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan Audit Pensijilan Semula Malaysian Sustainable Palm Oil untuk di unit pengurusannya. Audit Pensijilan MSPO Tahun ke-3 ini akan dilaksanakan ke atas **3 ladang kelapa sawit** yang diuruskan oleh **FELDA GUGUSAN TRIANG**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melaksanakan audit pensijilan bagi **FELDA GUGUSAN TRIANG** pada **17-20.11.2025**. Audit pensijilan ini akan dilaksanakan mengikut MS 2530:2022 : Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) - Part 2-2: General principles for organised smallholder (less than 40.46 hec). Salinan Standard MS 2530:2022 - 2.2 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui : <https://mysol.jsm.gov.my>.

Penilaian akan merangkumi isu-isu undang- undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Nama Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Kawasan (ha)
Rancangan Felda Kumai	Pejabat Felda Kumai, 28200 Bera, Pahang	N 3.266944 E 102.625556	2,521.34
Rancangan Felda Rentam	Pejabat Felda Rentam, 28200 Bera, Pahang	N 3.2669 E 102.626278	2309.25
Rancangan Felda Sebertak	Pejabat Felda Sebertak, 28200 Bera, Pahang	N 3.25675 E 102.586556	2268.60
Rancangan Felda Tementi	Pejabat Felda Tementi, 28200 Bera, Pahang	N 3.161078 E 3.161078	2460.78
Rancangan Felda Triang 01	Pejabat Felda Triang 01, 28200 Bera, Pahang	N 3.258667 E 102.565694	1213.41
Rancangan Felda Triang 03	Pejabat Felda Triang 03, 28200 Bera, Pahang	N 3.258528 E 3.258528	1075.33
Rancangan Felda Bukit Kepayang	Pejabat Felda Bukit Kepayang, 28300 Triang, Pahang Darul Makmur	N 3.32933 E 102.61876	2086.66
Rancangan Felda Purun	Pejabat Felda Purun, 28300 Triang, Pahang Darul Makmur	N 3.37038 E 102.63646	3007.60

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>.

Pasukan audit dari TRANS yang akan melaksanakan audit pensjilan di **FELDA GUGUSAN TRIANG** terdiri daripada:

- i) Encik Mohd Johari b Md Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Kesihatan dan Keselamatan Pekerja dan Sosial & Amalan Baik)
- ii) Encik Syed Ammar Ashraff b Syed Muhammad Nasser sebagai Juruaudit (Aspek Kebolehejakan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) Encik Mohd Fikhri Haizum b Isamuddin sebagai Juruaudit (Aspek Kebolehejakan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Nama Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Tarikh & Masa
Rancangan Felda Purun	Pejabat Felda Purun, 28300 Triang, Pahang Darul Makmur	N 3.37038 E 102.63646	17 November 2025 10.00 pagi
Rancangan Felda Bukit Kepayang	Pejabat Felda Bukit Kepayang, 28300 Triang, Pahang Darul Makmur	N 3.32933 E 102.61876	18 November 2025 10.00 pagi
Rancangan Felda Triang 01	Pejabat Felda Triang 01, 28200 Bera, Pahang	N 3.258667 E 102.565694	19 November 2025 10.00 pagi

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami dengan mengembalikan borang maklum balas yang dilampirkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat ini dikeluarkan. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT". Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber adalah dengan persetujuan dari pihak tuan/puan.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



NURUL BASYIRAH BT BAHRUM

Penyelaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd

BORANG MAKLUM BALAS

Kepada :

Penyalaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.

No. B30, Tingkat 1,

Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,

25200 Kuantan Pahang

Tel: +609-5751333.

Email: info@transcert.com.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI :

Saya ingin mengesahkan bahawa :

☐ Tidak mempunyai sebarang isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan:

☐ Isu berkaitan permatuhan Undang-Undang :

Huraian: _____

☐ Isu berkaitan aspek sosial :

Huraian: _____

☐ Isu berkaitan alam sekitar :

Huraian: _____

☐ Isu berkaitan keselamatan dan kesihatan :

Huraian: _____

☐ Lain-lain :

Huraian: _____

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan Trans dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

Alamat e-mel :

Terima Kasih,

Yang Benar,

.....

Nama :

Alamat :

No Tel :